

## **NOTIS PRIVASI MENURUT AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“AKTA”)**

MUFG Bank (Malaysia) Berhad menghormati hak-hak privasi pelanggan kami. Notis Privasi (“Notis”) ini telah dirumuskan menurut Akta tersebut. Sila baca Notis ini dengan teliti kerana ia merupakan sebahagian daripada terma-terma dan syarat perkhidmatan dan produk kami yang disediakan untuk anda. Notis ini adalah untuk semua urusan anda dengan kami sama ada di salah satu cawangan, melalui pusat panggilan atau melalui lawan web kami. Sila ambil maklum bahawa “sekutu kami” dalam notis ini bermakna Bank induk kami, syarikat subsidiari, setiap cawangan dan syarikat subsidiari Bank induk kami. MUFG berhak untuk meminda Notis ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis terlebih dahulu. MUFG menasihatkan anda supaya sentiasa menyemak Notis ini.

### **1. Data yang dikumpulkan**

Data yang kami kumpulkan adalah data yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan kami dan untuk membolehkan kami untuk menawarkan produk-produk kami kepada anda. Jenis data peribadi yang dikumpul merangkumi data peribadi yang tertera di borong-borang permohonan termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor telefon, alamat e-mel, alamat rumah, pendapatan, asset dan liabiliti. Kami juga mungkin mengumpul dan menyimpan data peribadi daripada anda apabila anda menghubungi talian khidmat pelanggan melalui telefon atau e-mel. Apabila kami mengumpul dan memproses data peribadi yang sensitif, kami akan memastikan kebenaran bertulis telah diperolehi dari anda sebelum memproses dan mengumpul data tersebut.

### **2. Tujuan mengumpul data peribadi.**

Dengan pemberian data peribadi anda dan terus menggunakan produk dan perkhidmatan kami, anda dengan ini membenarkan MUFG mengumpul, menyimpan, mengguna dan memproses data peribadi bagi tujuan-tujuan berikut:

- memproses permohonan dan borang bagi produk dan perkhidmatan kami; dan/atau
- Untuk menilai dan memantau kelayakan kredit; dan/atau
- Untuk komunikasi dan menjawab sebarang pertanyaan; dan/atau
- Untuk menjalankan prosedur dalaman; dan/atau
- Untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan MUFG dan perbadanan yang berkaitan dengan kami; dan/atau
- Untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan dari sekutu kami; dan/atau
- Untuk penilaian dan pemeriksaan usaha wajar data; dan/atau
- Untuk mengemaskini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami; dan/atau
- Untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anda; dan/atau

- Untuk memenuhi syarat-syarat undang-undang dan peraturan; dan/atau
- Untuk memberar sekutu kami dan pihak terpilih mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka; dan/atau
- Untuk pengurusan risiko operasi; dan/atau
- Untuk menilai dan memantau peruntukan perkhidmatan; dan/atau
- Untuk penguatkuasaan hak kami dan obligasi pihak-pihak lain kepada kami dan / atau sekutu kami; dan/atau
- Untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan / atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan; dan/atau
- Untuk segala tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana tujuan di atas.

### **3. Pendedahan Data Peribadi Anda**

Selaras dengan amalan perniagaan moden yang lazim kepada institusi-institusi kewangan dan untuk memenuhi keperluan khusus anda, kami berkemungkinan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang berikutnya bagi tujuan – tujuan yang dinyatakan di atas( Bahagian 2):

- Kepada mana-mana sekutu kami di dalam atau luar Malaysia;
- Kepada Bank Negara Malaysia, Pusat Biro Kredit, Dishonoured Cheques Information System (DCHEQS), the Central Credit Reference Information System (CCRIS) atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas MUFG pada bila-bila masa;
- Mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan MUFG atau mana-mana perbadanan sepetimana yang tertakluk dalam definisi Akta Syarikat 2016, Ibu pejabat MUFG atau mana-mana cawangan lain;
- Mana-mana pihak yang memberi jaminan atau pihak yang mencadangkan atau berniat untuk membuat atau tender bayaran ke atas liabiliti Peminjam di bawah mana-mana fasiliti ataupun kepada pihak yang mana MUFG telah mendapatkan sekuriti untuk sebarang fasiliti;
- Mana-mana penasihat profesional MUFG atau sesiapa yang memberikan perkhidmatan kepada MUFG;
- Mana-mana pemegang serahhak atau sesiapa yang bercadang untuk menandatangani perjanjian kontrak dengan MUFG;
- Kepada pihak-pihak yang tertentu, sekiranya kami atau sekutu kami dikehendaki oleh sebarang undang-undang, mahkamah, badan berkanun atau sebarang proses undang-undang untuk mendedahkan dan mematuhi peraturan dan kaedah perakaunan dan cukai serta sebarang undang-undang khusus tentang penyimpanan rekod;
- Kepada pihak-pihak tertentu, sebagaimana yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

Data Peribadi anda mungkin akan dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia atau didedahkan kepada perbadanan, pemegang lesen, rakan-rakan perniagaan dan/atau penyedia servis yang berkaitan dengan kami yang mungkin berada di dalam atau luar Malaysia.

#### **4. Pilihan**

Anda boleh sentiasa memilih data peribadi mana (jika ada) yang anda ingin berikan kepada kami, akan tetapi kami mengalakkan anda untuk membuat pilihan yang membolehkan kami menyediakan produk-produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi yang akan memenuhi keperluan anda. Sila ambil maklum bahawa sekiranya anda gagal untuk memberikan maklumat tersebut, ia akan menghalang kami daripada meneruskan hubungan atau memberi perkhidmatan perbankan dengan anda.

#### **5. Keselamatan Data Peribadi**

Keutamaan kami adalah keselamatan data peribadi anda yang mana disimpan oleh kami dan / atau penyedia servis kami dalam pangkalan data yang dilindungi melalui kawalan akses elektronik, keselamatan prosedural dan langkah-langkah keselamatan munasabah lain yang memenuhi atau menjangkaui ketentuan undang-undang yang berkaitan. Kakitangan kami juga telah dilatih khusus untuk mengendali data peribadi anda. Apabila kami menggunakan servis pihak lain, kami setakat yang mungkin akan memastikan pihak tersebut melindungi data peribadi yang diterima oleh mereka. Walaubagaimanapun, kami tidak boleh menjamin bahawa langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak ketiga tersebut akan menghalang kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahaian data peribadi tersebut dan kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi atau liabiliti berkaitan dengan sebarang insiden sedemikian, setakat yang diperuntukan oleh undang-undang.

#### **6. Akses dan Pembetulan Data Peribadi**

Anda mempunyai hak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk mengakses data peribadi anda yang dikumpul dan disimpan oleh kami dengan menghantar permintaan bertulis melalui pos kepada MUFG. Sila pastikan anda memberi butiran yang diperlukan supaya kami boleh mengesahkan identiti anda sebagai individu atau entiti yang membuat permintaan akses tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa kami tidak mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa yang tidak mempunyai hak kepada maklumat tersebut.

Anda juga boleh manghantar permintaan kepada kami untuk membetulkan atau menghentikan

pemprosesan data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Kami akan memadam atau membetulkan data peribadi anda

jika kami bersetuju bahawa data peribadi tersebut adalah salah atau pemprosesan maklumat tersebut perlu dihentikan. Kami berhak untuk mengenakan anda bayaran bagi permintaan akses dan pembetulan data peribadi yang tertakluk kepada ketentuan undang-undang yang berkaitan.

### **7. Aduan/Pertikaian atau Soalan**

Jika anda mempunyai sebarang soalan, keraguan atau aduan mengenai notis ini, dan jika anda ingin mengajukan permintaan untuk akses kepada data peribadi anda, sila hubungi kami seperti berikut:

- Hubungi kami di 03-2034 8000 & 03-2034 8008;
- E-mel kami di [customercare@my.mufg.jp](mailto:customercare@my.mufg.jp);
- Melalui pos di MUFG Bank (Malaysia) Berhad, Level 9-11, Menara IMC, No.8, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.